



**LAPORAN LATIHAN PRAKTIK  
PUSAT SUMBER SEK.MEN.KEB.  
TEMENGGONG, KUALA KANGSAR, PERAK  
Pada  
15 MEI-15 JULAI 2006**

Oleh:

**ANDAK RABITAH BINTI MOHD AKASHAH  
2004677797**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
KAMPUS PUNCAK PERDANA  
SHAH ALAM  
JULAI 2006**

# ISI KANDUNGAN

Tajuk

Muka Surat

Penghargaan

Akuan Latihan Praktikal

Prakata

## Bab 1 PENGENALAN

1.0	Latar Belakang .....	1
1.1	Definisi .....	2
1.2	Definisi Sumber .....	2
1.3	Konsep .....	3
1.4	Takrif Pusat Sumber Sekolah.....	3
1.5	Objektif .....	4
1.6	Fungsi Pusat Sumber Sekolah.....	5
1.7	Ciri-ciri Pusat Sumber yang Berkesan.....	6
1.8	Komponen Pusat Sumber yang Berkesan.....	7
1.9	Sejarah Pusat Sumber SMK Temenggong.....	8

## Bab 2 PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

2.1	Organisasi Pentadbiran.....	12
2.2	Carta organisasi.....	13
2.3	Senarai tugas.....	15

## Bab 3 INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN FIZIKAL

3.1	Infrastruktur Sekolah Dalam Pusat Sumber.....	19
3.2	Projek Kecemerlangan Pusat Sumber Sekolah.....	20
3.3	Pelan Sekolah dalam Pusat Sumber.....	22
3.4	Infrastruktur dalam Pusat Sumber SMK Temenggong.....	23
3.5	Pelan Susun Atur dalam Pusat Sumber.....	24

## PRAKATA

Pusat Sumber Sekolah (PSS) merupakan agensi yang penting di dalam institusi sekolah yang menyediakan pelbagai bahan, khidmat dan kemudahan pengajaran- pembelajaran. Pusat Sumber yang diwujudkan di semua sekolah memerlukan pengurusan yang cekap dan sistematis. Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menekankan penggunaan sumber dalam proses pengajaran-pembelajaran.

Pembentukan pusat sumber yang sistematis dan berkesan adalah dengan tenaga dan daya usaha semua guru dan tidak hanya dipikul oleh guru Pusat Sumber Sekolah sahaja. Setiap guru seharusnya mempunyai pengetahuan mengenai pusat sumber agar dapat memberi sumbangan kepada kemajuan Pusat Sumber Sekolah.

**(Jamaiah binti Haji Osman dan Yusop Khan bin Loth Khan)**

Kuala Lumpur,

Jun 1995

## BAB 1

# PENGENALAN

---

### 1.0 LATAR BELAKANG

Dalam jangka masa dua dekad setelah negara mencapai kemerdekaan, dasar dan program-program pendidikan negara ini adalah ke arah perpaduan negara (national integration), khususnya untuk menanam dan menerapkan nilai tersebut di kalangan generasi muda supaya mereka dapat memainkan peranan bagi memenuhi kehendak dan tuntutan masyarakat dan negara Malaysia yang berkembang dengan pesatnya.

Dasar tersebut memberi kesan yang besar terhadap sistem pendidikan negara bukan sahaja dari segi kuantiti tetapi juga dari segi kualiti pendidikan itu sendiri.

“..... rapid quantitative expansion of educational opportunities is to be followed by a concerted effort to improve the quality of education in order to reduce wastage and increase its effectiveness of nation building”. (Educational Technology Division, Ministry of Education Malaysia. Pg.1)

Berdasarkan matlamat tersebut, perbincangan tentang pendidikan berkualiti khususnya yang berkaitan dengan permasalahan penggunaan sumber-sumber pendidikan di sekolah-sekolah di negara ini, ke arah mencapai kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan merupakan isu pokok yang sering diperkatakan oleh para perancang pelaksana dan pengurus pendidikan kita, baik untuk alaf baru ini, mahupun di tahun-tahun 1980-an yang lalu.



## BAB 2

# PENGURUSAN PUSAT SUMBER SEKOLAH

---

### 2.1 ORGANISASI PENTADBIRAN

i. Penubuhan Jawatankuasa induk Pusat Sumber yang terdiri daripada **Pengetua** sebagai Pengerusi, **Penolong Kanan Pentadbiran** sebagai Timbalan Pengerusi, **Guru Penyelaras Pusat Sumber** sebagai setiausaha dan **Guru Panitia Matapelajaran** sebagai ahli jawatankuasa.

ii. Penubuhan Jawatankuasa kerja Pusat Sumber yang terdiri daripada **Guru Penyelaras Pusat Sumber** sebagai Pengerusi, **Pengawas Pusat Sumber** yang dilantik dari kalangan pelajar sekolah sebagai ahli jawatankuasa.

iii. Perlantikan **Pembantu Perkeranian** yang dibayar gaji mengikut tempoh kerja. Kebiasaannya pihak sekolah menggunakan wang Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) untuk membayar gaji kerani Pusat Sumber yang terdiri dari bekas pelajar sekolah yang berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang pustakawan.

#### iv. Penentuan dan Pembahagian Bidang Tugas

Bidang tugas jawatankuasa dan kakitangan hendaklah ditentukan dengan jelas dan tidak timbal balik antara satu sama lain. Pembahagian tugas melibatkan pihak seperti di bawah:

- Jawatankuasa pentadbir Pusat Sumber Sekolah
- Guru Penyelaras Pusat Sumber
- Pustakawan Sekolah
- Pengawas Pusat Sumber